



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 Januari 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Warga asing dilarang beli minyak masak subsidi mulai 1 Mac

Pembelian warga tempatan direkod menerusi MyKad baharu bermula 1 Jun

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Warga asing dilarang membeli minyak masak bersubsidi mulai 1 Mac ini, manakala pembelian oleh warga tempatan akan direkodkan dengan lebih mudah menerusi penggunaan MyKad baharu yang dilengkapi kod QR mulai 1 Jun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata larangan terhadap warga asing dibuat mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, dengan punca kuasa Akta Kawalan Bekalan 1961.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang berbincang dengan Jabatan Peguam Negara bagi memastikan pelaksanaan larangan itu berjalan lancar.


"Jika sebelum ini, melalui penguatkuasaan undang-undang, ada pihak menggesa supaya dilarang penjualan dan pembelian oleh warga asing, namun premis peruncitan membangkitkan isu praktikal ... bagaimana prosedur operasi standard (SOP), penguatkuasaan dan pemantauan.

"Jadi, dengan adanya larangan ini, kita dapat memastikan subsidi itu akan dimanfaatkan oleh warga negara dan tidak dibuka ruang itu kepada warga asing," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri, di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) mengenai keperluan kuota tambahan kepada keluarga miskin yang besar kerana had kuota sedia ada dalam Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS), selain sama ada kerajaan bercadang untuk mengintegrasikan eCOSS dengan aplikasi lain.

Mengulas lanjut, Armizan menjelaskan buat masa kini, KPDN tidak menetapkan kuota pembelian dalam konteks isi rumah di bawah eCOSS, iaitu had pembelian ditetapkan tiga paket bagi setiap ahli isi rumah.

"Jika ada isi rumah yang memerlukan lebih, kita tidak hadkan oleh anak, isteri, bapa untuk



Armizan pada waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam. (Foto BERNAMA)

membeli. Jadi, tidak ada isu bangkit jika ada keperluan tambahan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) mengenai faktor penyelewengan minyak bersubsidi yang masih berleluasa, Armizan berkata, antara lain sebelum ini ia juga berpunca daripada ketiadaan sistem memantau rekod pembelian minyak masak oleh individu.

"Selain itu, satu faktor lagi ialah pembelian minyak masak terpakai yang harganya sekarang RM4 per kilogram (kg), sedangkan kita menjual minyak masak bersubsidi pada harga RM2.50.

"Maksudnya dengan membeli minyak masak paket, dicampur dan dijual sebagai minyak masak terpakai pun sudah boleh untung RM1.50," katanya.

Pengurusan risiko ketirisan

Selain meningkatkan penguatkuasaan, beliau berkata, mekanisme pengurusan risiko ketirisan diperlukan dan eCOSS serta aplikasi eCOSS yang diperkenal kerajaan ialah pengurusan risiko ketirisan, yang membolehkan penguatkuasaan bersandarkan kepada sistem dan mekanisme.

Beliau berkata, sejak Mei 2025, sistem eCOSS merekodkan jualan lebih 20 juta paket minyak masak bersubsidi dalam kalangan warganegara.

"Sekurang-kurangnya kita sudah ada data siapa yang membeli minyak masak paket ini dan hala tuju program ini juga dapat kita tentukan bersandarkan kepada keputusan yang dipacu data.

"Itulah matlamat kita untuk memastikan subsidi dengan aplikasi kewangan yang cukup besar ini akan dapat diteruskan dan benar-benar memanfaatkan rakyat," katanya.

Armizan berkata, pemantauan terhadap penjualan dan pembelian minyak bersubsidi oleh rakyat tempatan akan lebih kemas apabila MyKad baharu diperkenalkan mulai 1 Jun ini, membolehkan setiap pembelian itu direkodkan.

Katanya, MyKad baharu itu yang dilengkapi kod QR menjadi opsi bagi pembelian barangan itu, sekali gus mengelak pembelian oleh warga asing.

"Jika sekarang, aplikasi eCOSS menggunakan kod QR, kelak dengan hanya mengimbas MyKad yang mempunyai kod QR itu membolehkan pembelian minyak masak paket dimanfaatkan masyarakat kita," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan Kementerian Kewangan (MOF) untuk mengintegrasikan platform MyKasih, yang kini digunakan bagi program Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan pembelian RON95 bagi pembelian minyak masak bersubsidi.

Mengulas mengenai keberkesanan eCOSS dalam agihan minyak masak paket bersubsidi kepada warga emas dan orang miskin di luar bandar tanpa kemudahan internet, Armizan berkata, bagi peringkat rintis penggunaan aplikasi eCOSS sejak Mei lalu, pembelian melalui kaedah manual masih dibenarkan dan rekod transaksi dibuat secara manual.

MyKad baharu 1 Jun rekod beli minyak masak paket

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengenakan larangan membeli minyak masak bersubsidi kepada warga asing mulai 1 Mac ini, manakala MyKad baharu yang diperkenalkan 1 Jun ini boleh diguna untuk merekodkan pembelian produk itu oleh rakyat tempatan.

Oleh Zanariah Abd Mutalib → Nasional 2



Beli minyak paket guna MyKad baharu



BERMULA 1 Jun ini rakyat Malaysia boleh membeli minyak masak paket bersubsidi menggunakan MyKad baharu yang disertakan dengan kod QR bagi mengekang penjualannya kepada warga asing.

DARI MUKA 1

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) sama ada kerajaan bercadang untuk mengintegrasikan eCOSS dengan aplikasi berkaitan lain.

Katanya, kementerian itu akan berhubung dengan Kementerian Kewangan untuk mengintegrasikan platform MyKasih yang kini digunakan bagi program Sumbangan Asas Rahmah (Sara) dan pembelian RON95 bagi pembelian minyak masak bersubsidi.

Menjawab soalan asal, Armizan berkata, eCOSS yang dibangunkan KPDN bertujuan menambah baik pengurusan minyak masak kemasan paket bersubsidi satu kilogram melalui pendigitalan.

Ujarnya, sistem itu mendaftarkan semua pihak yang terlibat

dalam rantai pengedaran termasuk syarikat kilang penapis, syarikat pembungkusan, pemborong serta peruncit.

"KPDN akan sentiasa menambah baik pengurusan eCOSS sama ada melalui aplikasi Mobile eCOSS dan opsyen-opsyen lain bagi memastikan perekodan secara digital di setiap rantai pengagihan bekalan dan transaksi jual beli.

"Pembelian secara manual atau kaedah bersesuaian akan dikenal pasti secara bersasar di premis peruncitan terpilih yang masih belum mempunyai capaian kemudahan internet.

"Bantuan dan sokongan di premis jualan akan diberikan oleh peruncit dengan modul khas bagi kumpulan warga emas atau golongan miskin yang tidak mempunyai telefon mudah alih dengan rangkaian internet," katanya.

Bongkar syarat pelik peniaga

Kangar: Beli barang lain dahulu baharu boleh beli minyak masak bersubsidi.

Itu adalah syarat pelik yang berjaya dibongkar penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perlis susulan tindakan seorang pemilik kedai runcit di sini, yang menetapkan peraturan tidak sah bagi pembelian paket minyak masak subsidi.

Syarat dikenakan peniaga kedai itu dikesan selepas sepasukan penguat kuasa KPDN Perlis melakukan serbuan sekitar jam 6 petang kelmarin di premis berkenaan.

Pengarah KPDN Perlis, Rohaida Hassan berkata,

pihaknya merampas 430 kilogram (kg) minyak masak polibeg bersubsidi satu kilogram dianggarkan bernilai kira-kira RM1,075 di premis itu.

“Anggota kita terlebih dahulu melakukan penyamaran sebagai pelanggan bagi membuktikan salah laku dilakukan peniaga terbabit.

“Anggota penguat kuasa dipaksa membeli barangan lain terlebih dahulu sebelum berjaya mendapatkan minyak masak bersubsidi di premis berkenaan,” katanya, semalam.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 19, Akta Kawalan Bekalan 1961.

Rohaida berkata, jika disabitkan kesalahan, individu berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

“Bagi kesalahan kedua pula, denda boleh mencecah RM3 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya,” katanya.

Dalam pada itu, Rohaida menegaskan KPDN Perlis tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menjual minyak masak polibeg bersubsidi satu kilogram dengan mengenakan syarat tertentu.

MINYAK MASAK BERSUBSIDI & WARGA ASING

Dilarang beli bermula 1 Mac

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
zanariah_muta-
lib@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mewariskan peraturan bagi mengenakan larangan pembelian minyak masak bersubsidi kepada warga asing bermula 1 Mac ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penguatkuasaan itu akan dibuat di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, dengan punca kuasa Akta Kawalan Bekalan 1961.

Armizan memaklumkan, pihaknya kini sedang berbincang dengan Jabatan Peguam Negara berhubung pelaksanaan itu.

"Jika sebelum ini, melalui kuasa undang-undang, ada pihak menggesa supaya dilarang penjualan dan pembelian oleh warga asing, namun premis peruncitan membangkitkan isu praktikal, bagaimana prosedur operasi standard

(SOP), penguatkuasaan dan pemantauan.

"Jadi, dengan adanya larangan ini, kita dapat memastikan subsidi berkenaan akan dimanfaatkan oleh warganegara dan tidak dibuka ruang itu kepada warga asing," katanya pada

Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) mengenai keperluan kuota tambahan kepada keluarga miskin yang besar

kerana had kuota sedia ada dalam Sistem Skim Penjualan Harga Minyak Masak (eCOSS), selain sama ada kerajaan bercadang untuk mengintegrasikan eCOSS dengan aplikasi berkaitan lain.

Mengulas lanjut, Armi-

zan menjelaskan, buat masa ini, KPDN tidak menetapkan kuota pembelian dalam konteks isi rumah di bawah eCOSS, yang mana had pembelian ditetapkan tiga paket bagi setiap ahli isi rumah.

"Jika ada isi rumah yang memerlukan lebih, kita tidak hadkan oleh anak, isteri, bapa untuk membeli. Jadi, tidak ada isu berbangkit jika ada keperluan tambahan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) mengenai faktor penyelewengan minyak bersubsidi yang terus berleluasa, Armizan berkata, ia antara lain berpunca daripada ketiadaan satu sistem yang memantau rekod pembelian minyak masak oleh individu sebelum ini.

"Selain itu, satu faktor lagi adalah pembelian minyak masak terpakai, yang harganya sekarang adalah RM4 per kilogram (kg), sedangkan kita menjual minyak masak bersubsidi pada harga RM2.50.

"Jadi, maksudnya dengan membeli minyak masak paket, dicampur aduk dan

dijual sebagai minyak masak terpakai pun sudah boleh untung RM1.50," katanya.

Justeru, katanya, selain meningkatkan penguatkuasaan, mekanisme pengurusan risiko ketirisan diperlukan dan eCOSS serta aplikasi eCOSS yang diperkenalkan kerajaan adalah pengurusan risiko ketirisan, yang membolehkan penguatkuasaan bersandarkan kepada sistem dan mekanisme.

Beliau memaklumkan sejak Mei 2025 sistem eCOSS berjaya merekodkan penjualan lebih 20 juta paket mintak masak bersubsidi dalam kalangan warganegara.

"Sekurang-kurangnya kita sudah ada data siapakah yang membeli minyak masak paket ini dan hala tuju program ini juga dapat kita tentukan bersandarkan kepada keputusan yang dipacu data.

"Itulah matlamat kita untuk memastikan subsidi dengan aplikasi kewangan yang cukup besar ini akan dapat diteruskan dan benar-benar memanfaatkan rakyat," katanya.

Kuasa baharu MyKad

Beli minyak masak paket
akan direkod, warga asing
disekat bermula 1 Mac

SELEPAS digunakan dalam transaksi Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan BUDI Madani RON95, MyKad kini dijangka diberi kuasa baharu sebagai alat kawalan subsidi minyak masak paket berharga RM2.50.

MyKad baharu yang bakal diperkenalkan mulai 1 Jun dan dilengkapi kod QR, dicadang sebagai opsyen merekod pembelian minyak masak paket bersubsidi bagi memastikan ia di-

manfaatkan rakyat sahaja, sekali gus mengelak pembelian oleh warga asing.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pada masa sama KPDN akan mewartakan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh warga asing berkuat kuasa 1 Mac ini.

Mukasurat 2 & 3



Tiada MyKad, tiada minyak masak subsidi

Warga asing tidak lagi boleh beli barang keperluan tersebut mulai 1 Mac ini

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

KUALA LUMPUR - Warga asing tidak lagi boleh membeli minyak masak bersubsidi mulai 1 Mac ini.

Larangan itu dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, dengan punca kuasa Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, peruntukan undang-undang tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara sebelum dilaksanakan.

"Sebelum ini terdapat banyak gesaan melarang pembelian oleh warga asing, namun peruncit membangkitkan aspek praktikal iaitu mekanisme pelaksanaan larangan termasuk kaedah pemantauan dan penguatkuasaan."

"Dengan adanya sistem yang



LAPORAN MUKA DEPAN

Kejayaan penggunaan MyKad bagi SARA dan BUDI95 menjadi rujukan KPDN dalam penguatkuasaan pembelian minyak masak pekete bersubsidi.

hanya membenarkan warganegara membuat pembelian diintegrasikan dengan butiran kad pengenalan, ia akan membolehkan peruncit dan penguat kuasa melaksanakan larangan dengan berkesan," katanya ketika Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat di sini pada Khamis.

Beliau menjawab per-



tanyaan **Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai)** mengenai keberkesanan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) dalam pengagihan minyak masak pekete bersubsidi kepada warga emas dan golongan miskin.

Armizan berkata, KPDN juga sedang dalam fasa perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi mengintegrasikan platform MyKasih sebagai antara pilihan pembelian minyak masak pekete bersubsidi oleh rakyat.

"Mungkin selepas ini dengan hanya mengimbas kad pengenalan membolehkan pengguna membeli minyak masak pekete tanpa menggunakan aplikasi eCOSS," ujarnya.

Jelas Armizan, kejayaan penggunaan MyKad bagi pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Budi Madani RON95 (BUDI95) menjadi rujukan KPDN dalam merealisasikan cadangan menggunakan MyKad sebagai opsi pembelian minyak masak pekete bersubsidi.



APAKAH eCOSS?

eCOSS ialah sistem pangkalan data berpusat dan aplikasi mudah alih yang dibangunkan KPDN untuk memantau pengedaran serta pembelian minyak masak pekete bersubsidi 1kg secara digital.

CARA PENDAFTARAN AKAUN

1. Muat Turun aplikasi eCOSS melalui Google Play Store atau Apple App Store.
2. Masukkan maklumat peribadi seperti nama penuh, nombor MyKad dan nombor telefon.
3. Tekan butang pengesahan identiti secara digital (e-KYC) untuk memastikan pemilihan akaun yang sah.
4. Muat naik gambar MyKad hadapan, belakang dan swafoto.

CARA PENGGUNAAN

1. Tekan butang 'Imbas Kod QR'.
2. Imbas QR Peruncit.
3. Pilih jumlah minyak masak yang mahu dibeli dan tekan butang 'Hantar' untuk melengkapkan pembelian.
4. Maklumat belian akan dipaparkan dan pengguna boleh menunjukkan kepada peruncit sebagai bukti belian.

MyKad baharu dilengkapi sistem kod QR akan diperkenal pada 1 Jun depan

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan memperkenalkan MyKad baharu dilengkapi sistem kod QR bermula 1 Jun depan bagi membolehkan setiap pembelian minyak masak peketer subsidi oleh warganegara Malaysia direkodkan secara sistematik.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, penggunaan MyKad itu akan menjadi salah satu pilihan dalam proses pembelian barangan tersebut menerusi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS), sekaligus mengekang pembelian oleh

warga asing.

"Aplikasi eCOSS menggunakan kod QR. Dengan hanya mengimbas kod pengenalan yang mempunyai kod itu, membolehkan pembelian minyak masak peketer dimanfaatkan masyarakat kita," katanya ketika Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Khamis.

Mengulas mengenai keberkesanan eCOSS, Armizan menjelaskan, ketirisan penjualan minyak masak peketer subsidi di pasaran antara lain berpunca daripada ketiadaan satu sistem yang memantau rekod pembelian barangan keperluan tersebut sebelum ini.

Namun, katanya, sejak dilaksanakan pada Mei 2025, sistem eCOSS berjaya merekodkan penjualan lebih 20 juta minyak masak peketer subsidi dalam kalangan warganegara Malaysia.

"Sekurang-kurangnya kita sudah ada data siapakah yang membeli minyak masak peketer ini dan hala tuju program ini juga dapat kita tentukan bersandarkan kepada keputusan yang dipacu data.

"Itulah matlamat kita untuk memastikan subsidi dengan aplikasi kewangan yang cukup besar ini akan dapat diteruskan dan benar-benar memanfaatkan rakyat," ujar beliau.

SUBSIDISED COOKING OIL

BUYING BAN ON FOREIGNERS

New MyKad will be used to record purchases, says Armizan

ZAF SERAJ AND MOHAMAD AL AS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government will soon roll out another initiative to ensure that only Malaysians get to enjoy subsidies.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said foreigners would no longer be allowed to buy subsidised cooking oil from March 1.

To strengthen enforcement of the move, he said the new MyKad, set for roll-out on June 1, would feature functions to record purchases of subsidised packet cooking oil.

He said the initiative was part of a broader effort to integrate various subsidies and assistance mechanisms into a single platform.



The Domestic Trade and Cost of Living Ministry currently uses the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCOSS) to monitor the distribution chain of the commodity. NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

The ministry currently uses the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCOSS) to monitor the distribution chain, recording transactions from refineries and packaging companies down to wholesalers and retailers.

"We are ready to integrate. As the RON95 subsidy (Budi Madani RON95) and the Sumbangan Asas Rahmah programmes have been running smoothly, we will engage the Finance Ministry on integrating it with the MyKasih platform

as an additional option for packet cooking oil sales," he said.

In future, the purchase of packet cooking oil could be facilitated simply by scanning the QR code on the identity card, he said in the Dewan Rakyat.

Armizan said recording retail-level transactions by end-users was intended to ensure subsidies benefited Malaysians while curbing leakages, diversion and smuggling.

Currently, the eCOSS application uses QR codes to collect data on purchasers.

The minister also clarified that there was no household-based quota on packet cooking oil, stressing that existing limits applied only on a per-transaction basis.

"The quota refers solely to the maximum amount per transaction, not per household. If a household requires more, there is no restriction, as purchases can be made by different family members, including spouses, parents or children," he said.

Up to Nov 18 last year, 928,037 consumers had downloaded the eCOSS application, which was launched in August.

No packet cooking oil for foreigners

Report on > page 2

Move aimed at strengthening control over subsidised commodity in 1kg polybag sold at RM2.50 each, ensuring benefit reaches only intended recipients: Minister

■ BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Foreign nationals will no longer be allowed to purchase subsidised packet cooking oil priced at RM2.50 from March 1, said Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

Speaking in the Dewan Rakyat yesterday, he said before it is enforced, regulations would be drafted under the Control of Supplies Regulations pursuant to Section 6 of the Control of Supplies Act 1961 and referred to the Attorney-General's Chambers.

"The move is aimed at strengthening control over subsidised cooking oil and ensuring that the assistance reaches its intended beneficiaries. "There have been numerous calls to prohibit purchases by foreigners previously. However, retailers raised practical concerns, particularly on the mechanisms for implementing the ban, including monitoring and enforcement methods."

Armizan said to enforce the ban on subsidised cooking oil sales to non-citizens, a Cooking Oil Price Stabilisation Scheme would digitally track transactions across the entire distribution chain.

"By linking purchases to national identity card details, the system allows retailers and enforcement agencies to implement the ban effectively."

Armizan said the system monitors purchases and transactions, helping to prevent the diversion and smuggling of subsidised packet cooking oil, which has been a long-standing issue.

He said the ministry acknowledged concerns that the system's mobile app may affect senior citizens, low-income groups and rural residents without internet access.

No more subsidised packet cooking oil for foreigners

► Ban on sale of 1kg polybags through price stabilisation scheme that digitally tracks transactions ensures assistance reaches intended beneficiaries: Minister

"To address this, we rolled out the app gradually from May 2025, starting in Putrajaya, followed by Rahmah Madani outlets in Johor and selected outlets in other states."

"During the pilot phase, manual purchases are still allowed, and retailers will provide on-site assistance for those without mobile phones or internet access."

He added that the system would also be integrated with the MyKasih platform, allowing purchases using the national identity card, similar to the Sara programme.

"The QR code on the updated MyKad can also be used to verify purchases of subsidised cooking oil."

He said the cost of implementing the system is substantial, reaching nearly RM1.9 billion.

He added that there was no data for many years on who was actually buying subsidised packet cooking oil.

Armizan said the app made this data available via the pilot project which began on May 1 last year.

He said it recorded that

20,361,432 packets had been bought by Malaysian citizens.

"We will continue to improve the management of the system, whether through the mobile app or other options, to ensure digital recording at every stage of the supply chain and sales transactions."

"Recording of end-consumer purchases at retail outlets aims to ensure that the subsidy benefits the people while curbing leakages of packet cooking oil subsidies caused by misappropriation and smuggling, which have long been a problem."

Under the subsidised cooking oil packet programme, a monthly allocation of 60,000 metric tonnes is provided mainly for Malaysian households, particularly those in the B40 income group.

The subsidy applies only to 1kg polybag packets to ensure that they are used for household consumption and to curb misuse for industrial purposes or smuggling, a policy that has been maintained since 2007.

Prior to the ban on foreign nationals, consumers were required to scan QR codes at retail outlets to verify eligibility and restrict purchases to Malaysians.



Under the subsidised cooking oil packet programme, a monthly allocation of 60,000 metric tonnes is provided mainly for Malaysian households, particularly those in the B40 income group. —SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN

'Cooking oil subsidy for citizens only'

Armizan: Foreigners barred from purchasing from March 1

By RAGANANTHINI VETHASALAM and BENJAMIN LEE
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Regulations barring foreigners from purchasing subsidised packaged cooking oil are expected to take effect on March 1, says Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the ministry will gazette regulations prohibiting non-citizens from buying subsidised packaged cooking oil through provisions under the Control of Supplies Regulations, drafted pursuant to Section 6 of the Control of Supplies Act 1961.

"We are currently in discussions with the Attorney General's Chambers, and enforcement will commence on March 1, 2026," he said during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat yesterday.

Armizan said the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCOSS), which digitally records

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



data across the entire distribution chain, allows the government to effectively enforce the ban.

He added that the ministry will continue enhancing eCOSS management through its mobile application and other available platforms.

The system tracks purchases and transactions to curb long-standing leakages caused by diversion and smuggling of subsidised cooking oil.

The rollout of the Mobile eCOSS application has been expanded gradually since May 2025.

"It began in Putrajaya, followed by premises under the Rahmah Madani Sales Programme, then Johor in cooperation with the state government, and subsequently selected premises in other states," he said.



Streamline access: Armizan (inset) says eCOSS will be integrated with the MyKasih platform, allowing purchases of subsidised packaged cooking oil via MyKad, similar to the Sumbangan Asas Rahmah programme. — FAIHAN GHANI/The Star



During the pilot phase, manual purchases and manual transaction recording are still allowed.

"Assistance and support at sales premises are provided by retailers through special mechanisms for senior citizens and low-income groups who do not own mobile phones with Internet access," he said.

Armizan added that eCOSS will be integrated with the MyKasih platform to enable purchases using MyKad, similar to the Sumbangan Asas Rahmah programme.

The ministry is working with the Finance Ministry to implement the initiative.

He said the QR code embedded

in the newer MyKad could also serve as a verification mechanism for subsidised cooking oil purchases.

He was responding to a question from Kuala Krai MP Abdul Latiff Abdul Rahman on measures to ensure no households are left behind following the implementation of the application.

KPDN warta larangan warga asing beli minyak masak paket bersubsidi bermula 1 Mac

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mewartakan peraturan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi kepada bukan warganegara berkuat kuasa 1 Mac ini.



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata peraturan itu dibuat berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan dengan punca kuasa Seksyen 6 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Peruntukan undang-undang ini akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara sebelum dikuatkuasakan. Jadi, dengan adanya larangan ini, kami dapat memastikan subsidi itu akan dimanfaatkan warganegara dan tidak dibuka ruang kepada warga asing," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, Khamis.

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) sama ada KPDN berhasrat mengintegrasikan Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS) dengan pangkalan data bantuan lain bagi mengelakkan lambakan birokrasi dan amalan bekerja secara silo.

Armizan berkata KPDN juga sedang dalam fasa perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi mengintegrasikan platform MyKasih sebagai antara opsyen pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh rakyat.

"Mungkin selepas ini dengan hanya mengimbas kad pengenalan... membolehkan pengguna membeli minyak masak paket tanpa menggunakan aplikasi eCOSS," katanya.

Armizan berkata kejayaan penggunaan MyKad bagi pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) dan Budi Madani Ron95 menjadi rujukan KPDN dalam pelaksanaan cadangan menggunakan kad pengenalan sebagai opsyen pembelian minyak masak paket bersubsidi.

Armizan ketika mengulas mengenai keberkesanan eCOSS dalam menangani ketirisan penjualan minyak masak paket bersubsidi di pasaran berkata sejak dilaksanakan pada Mei 2025, sistem itu merekodkan pembelian sebanyak 20,361,432 paket.

"Sekurang-kurangnya kami sudah ada data siapakah yang membeli minyak masak paket ini dalam kalangan warganegara dan hala tuju program ini juga dapat ditentukan bersandarkan kepada keputusan berasaskan data. Itulah matlamat kami," katanya. – Bernama

Subsidised cooking oil only for citizens from March 1

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) plans to enforce a regulation prohibiting non-citizens from purchasing subsidised packaged cooking oil, effective March 1.


Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the regulation is based on provisions under the Supply Control Regulations, citing the authority of Section 6 of the Control of Supplies Act 1961.

"The legal framework will be referred to the Attorney General's Chambers before enforcement. This ban aims to ensure that the subsidy benefits only citizens and does not allow foreign nationals to take advantage of it," he said during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

He said this in response to a supplementary question from Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) regarding KPDN's plans to integrate the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCOSS) with other databases to reduce bureaucratic inefficiencies.

Armizan indicated that KPDN is also discussing with the Ministry of Finance the integration of the MyKasih platform as a potential method for citizens to purchase subsidised packaged cooking oil.

He suggested that in the future, con-



sumers might be able to buy the oil by scanning their identity cards without the need for the eCOSS application.

Armizan noted that the successful use of MyKad for initiatives such as the Rahmah Basic Contribution (SARA) and BUDI Madani RON 95 serves as a reference for implementing this new purchase option for subsidised cooking oil.

On the effectiveness of eCOSS in preventing misuse of subsidised cooking oil, Armizan said since its implementation in May 2025, the system has recorded the sale of 20,361,432 packages.

"This data allows the ministry to track who is buying the packaged cooking oil among citizens and helps to direct the programme based on informed decisions, which aligns with the ministry's objectives," he added. - Bernama



阿米占：内贸部正与财政部进入商讨阶段，将 MyKasih 平台整合为国民购买补贴袋装食油的其中一个选项。

（吉隆坡 29 日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占宣布，今年将颁布禁令，禁止外籍人士购买我国补贴食用油，确保补贴真正惠及国民。

阿米占：3 月起仅国人可购买 禁非公民买补贴食油

阿米占在国会下议院表示，该部正与财政部探讨通过 MyKasih 平台作为出售补贴包装食用油的另一种方式。国民登记局自今年 6 月 1 日起将发放包含二维码的新身份证，未来国民只需扫描身份证上的二维码，即可购买补贴食用油。

食用油补贴计划系统及其应用程式是降低食用油补贴流失的措施，只有马来西亚国民才能购买补贴食用油，购买者的记录已与其身份证资料整合。自 2025 年 5 月实施以来，系统已成功记录 2036 万 1432 包补贴食用油的购买数据。

阿米占指出，政府现阶段并未在家庭层面设定补贴食用油的购买配额。目前规定的每次最多购买三包，仅适用于单笔交易，并非限制家庭总购买量；若家庭有额外需求，仍可由不同家庭成员分别购买。

KPDN to ban non-citizens from buying subsidised cooking oil from March 1

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) plans to enforce a regulation prohibiting non-citizens from purchasing subsidised packaged cooking oil, effective March 1.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the regulation is based on provisions under the Supply Control Regulations, citing the authority of Section 6 of the Control of Supplies Act 1961.

"The legal framework will be referred to the Attorney General's Chambers before enforcement. This ban aims to ensure that the subsidy benefits only citizens and does not allow foreign nationals to take advantage of it," he said during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat on Thursday.

He said this in response to a supplementary question from Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) regarding KPDN's plans to integrate the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (eCOSS) with other databases to reduce bureaucratic inefficiencies.

Armizan indicated that KPDN is

also discussing with the Ministry of Finance the integration of the MyKasih platform as a potential method for citizens to purchase subsidised packaged cooking oil.


He suggested that in the future, consumers might be able to buy the oil by scanning their identity cards without the need for the eCOSS application.

Armizan noted that the successful use of MyKad for initiatives such as the Rahmah Basic Contribution (SARA) and BUDI MADANI RON 95 serves as a reference for implementing this new purchase option for subsidised cooking oil.

On the effectiveness of eCOSS in preventing misuse of subsidised cooking oil, Armizan said since its implementation in May 2025, the system has recorded the sale of 20,361,432 packages.

"This data allows the ministry to track who is buying the packaged cooking oil among citizens and helps to direct the programme based on informed decisions, which aligns with the ministry's objectives," he added.

— Bernama



Armizan speaking during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat on Thursday. — Bernama photo



Larangan warga asing beli minyak masak paket bersubsidi mula 1 Mac

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mewartakan peraturan larangan pembelian minyak masak paket bersubsidi kepada bukan warganegara berkuat kuasa 1 Mac ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata peraturan itu dibuat berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan dengan punca kuasa Seksyen 6 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Peruntukan undang-undang ini akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara sebelum dikuatkuasakan. Jadi, dengan adanya larangan ini, kami dapat memastikan subsidi itu akan



dimanfaatkan warganegara dan tidak dibuka ruang kepada warga asing," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat kelmarin.

Beliau menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) sama ada KPDN berhasrat mengintegrasikan Sistem Skim Penstabilan Harga

Minyak Masak (eCOSS) dengan pangkalan data bantuan lain bagi mengelakkan lambakan birokrasi dan amalan bekerja secara silo.

Armizan berkata KPDN juga sedang dalam fasa perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi mengintegrasikan platform MyKasih sebagai antara opsyen pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh rakyat.

"Mungkin selepas ini dengan hanya mengimbas kad pengenalan... membolehkan pengguna membeli minyak masak paket tanpa menggunakan aplikasi eCOSS," katanya.

Armizan berkata kejayaan penggunaan MyKad bagi pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan BUDI MADANI RON 95

menjadi rujukan KPDN dalam pelaksanaan cadangan menggunakan kad pengenalan sebagai opsyen pembelian minyak masak paket bersubsidi.

Armizan ketika mengulas mengenai keberkesanan eCOSS dalam menangani ketirisan penjualan minyak masak paket bersubsidi di pasaran berkata sejak dilaksanakan pada Mei 2025, sistem itu merekodkan pembelian sebanyak 20,361,432 paket.

"Sekurang-kurangnya kami sudah ada data siapakah yang membeli minyak masak paket ini dalam kalangan warganegara dan hala tuju program ini juga dapat ditentukan bersandarkan kepada keputusan berasaskan data. Itulah matlamat kami," katanya.-Bernama.

March 1 ban on non-citizens buying subsidised packaged cooking oil

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) plans to enforce a regulation prohibiting non-citizens from purchasing subsidised packaged cooking oil, effective March 1.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the regulation is based on provisions under the Supply Control Regulations, citing the authority of Section 6 of the Control of Supplies Act 1961.

"The legal framework will be referred to the Attorney-General's Chambers before enforcement. This ban aims to ensure that the subsidy benefits only citizens and does not allow foreign nationals to take advantage of it," he said during the Minister's Question Time in the Dewan Rakyat.

He said this in response to a supplementary question from Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) regarding KPDN's plans to integrate the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCOSS) with other databases to reduce bureaucratic inefficiencies.

Armizan indicated that KPDN is also discussing with the Ministry of Finance the integration of the MyKasih platform as a potential method for citizens to purchase subsidised packaged cooking oil.

He suggested that in the future, consumers might be able to buy the oil by scanning their identity cards without the need for the eCOSS application.

Amrizan noted that the successful use of MyKad for initiatives such as the Rahmah Basic Contribution (Sara) and Budi Madani RON95 serves as a reference for implementing this new purchase option for subsidised cooking oil. — Bernama

Subsidised cooking oil restricted to citizens

KUALA LUMPUR: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) plans to enforce a regulation prohibiting non-citizens from purchasing subsidised packaged cooking oil, effective March 1.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali (*pic*) said the regulation was based on provisions under the Supply Control Regulations, citing the authority of Section 6 of the Control of Supplies Act 1961.

